

37 kampung diancam hakisan

BALING - Sebanyak 37 kampung di sekitar daerah ini dikenal pasti berisiko mengalami hakisan sungai dan tanah runtuh dan memerlukan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk menguatkan struktur tanah di situ.

Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Lahar, Bukit Sebelah, Bendang Sera, Sungai Batu, Siput Jalan Jenalik, Kesan Dalam dan Dusun Raja.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bayu, Azmi Che Hussin berkata, peruntukan itu perlu disalurkan dengan segera kerana kesan hakisan tanah dan tanah runtuh sudah mula berlaku di beberapa tempat.

Katanya, salah satu kawasan yang mengalami kejadian tanah runtuh ialah di Kampung Batu Tujuh Rambong di sini yang menyebabkan titi sungai terputus sejak 17 November lalu.

“Hakisan tanah di tebing sungai ini boleh mengancam nyawa penduduk di sini dan tindakan segera perlu diambil bagi mengelakkan tanah terus terhakis,” katanya ketika ditemui pemberita semasa melawat kawasan tanah runtuh di Kampung Batu Tujuh Rambong di sini semalam.

Dalam kejadian pada 17 November itu, sebanyak berpuluh penduduk terputus hubungan apabila titi yang menjadi laluan mereka dihanyutkan arus deras akibat ha-



AZMI (kanan) meninjau keadaan sebuah titi yang runtuh di Kampung Batu Tujuh Rambong, Baling, Kedah semalam.

kisan pada tebing sungai.

Azmi berharap, Unit Penyelarasn Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dapat menyalurkan peruntukan segera untuk melakukan kerja-kerja mengukuhkan struktur tanah di 37 kampung di

situ.

“Kita tidak mampu lagi bergantung kepada kerajaan negeri dan saya amat berharap semua pihak termasuk agensi kerajaan dan jabatan terlibat berganding bahu menangani masalah ini,” ujarnya.